



**TEKS UCAPAN**  
**YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI**  
**KETUA MENTERI MELAKA**  
**SEMPENA**  
**PROGRAM SUMBANGAN ZAKAT KEPADA GOLONGAN ASNAF**  
**DUN LENDU**

**TARIKH: 3 NOVEMBER 2021 (RABU), MASA: 10.00 PAGI**  
**DI DEWAN JAPERUN LENDU**

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia.

Terima Kasih Saudara Pengacara Majlis;

Yang Berusaha Encik Mazlan bin Mohamad,  
Ketua Wilayah Bank Rakyat Melaka dan Negeri Sembilan;

Yang Berusaha Encik Abd Razak bin Mohd Atan,  
Pengurus Cawangan Bank Rakyat Ayer Keroh, Melaka;

Yang Berusaha Encik Fadil bin Ninggal,  
Pengurus Bank Rakyat Jasin, Melaka;

Seterusnya, para penerima sumbangan, tuan-tuan dan  
puan-puan yang saya hormati sekalian.

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT kerana kita diberi kelapangan waktu bertemu di Program Sumbangan Zakat kepada Golongan Asnaf DUN Lendu pada pagi yang permai ini.
2. Pada kesempatan ini, saya merakamkan ucapan berbanyak-banyak terima kasih dan syabas kepada seluruh ahli jawatankuasa yang komited menjayakan Program Penyampaian Sumbangan Zakat ini.

3. Saya juga merakamkan setinggi-tinggi pengharagaan dan ucapan terima kasih kepada Bank Rakyat kerana menjadi penyumbang zakat untuk golongan asnaf di DUN Lendu pada pagi ini. Saya berharap dan berdoa, semoga usaha murni ini akan dapat diteruskan pada masa-masa akan datang.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

4. Zakat membawa pengertian yang besar dalam usaha membela kepincangan masyarakat. Zakat juga adalah jaminan Allah SWT terhadap penyelesaian masalah ekonomi dan sosial masyarakat Islam.
  
5. Firman Allah SWT dalam **surah At-Taubah ayat 60** yang bermaksud: **“Sesungguhnya zakat itu untuk orang-orang Fakir, Miskin, Amil, Muallaf, Riqab, Gharimin, Fisabilillah dan Ibnu Sabil. Adalah kewajiban yang ditentukan allah. Dan Allah maha mengetahui lagi maha bijaksana”**. (Surah At-Taubah, ayat 60)

6. Laginya, pada zaman Rasulullah SAW juga, baginda sendiri memungut dan mengagihkan zakat dan amalan ini telah diikuti pada zaman Khalifah Al-Rashidin. Ini terbukti di zaman Khalifah Abu Bakar di mana beliau sendiri memerangi mereka yang enggan melunaskan zakat, seperti mana yang telah diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA yang bermaksud:

*“...Demi Allah aku akan memerangi mereka yang membezakan antara sembahyang dan zakat kerana zakat merupakan tuntutan terhadap harta, demi*

*Allah andai kata mereka enggan membayar zakat tersebut sedangkan mereka pernah membayarnya kepada Rasulullah SAW, aku tetap memeranginya.....”*

7. Sebagai umat Islam, melunaskan zakat adalah asas kefarduan agama yang telah tercatat di dalam Rukun Islam yang ketiga. Tanpa asas agama yang kukuh, akan menjadikan kehidupan masyarakat Islam itu sendiri terumbang-ambing tanpa tujuan. Lebih-lebih lagi zakat itu mempunyai pengaruh yang



kuat di dalam pembentukan ekonomi, sosial, budaya, dan politik umat Islam.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

8. Untuk makluman semua, Bank Rakyat telah menyumbangkan sebanyak **Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu (RM30,000.00)** untuk diserahkan kepada golongan asnaf di DUN Lendu ini. Alhamdulillah, bagi melaksanakan amanah daripada wang zakat ini, Kerajaan Negeri Melaka bertanggungjawab mengagihkan sumbangan zakat

kepada **150** orang dari golongan asnaf dalam DUN Lendu ini dan masing-masing akan menerima **Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200.00) serta kit makanan** untuk meringankan beban di samping membantu mengeluarkan asnaf daripada kepompong kemiskinan.

9. Sesungguhnya, Kerajaan Negeri Melaka di bawah pentadbiran saya telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk mewajah “Melaka Rumahku”. Saya dan seluruh barisan kepimpinan Negeri Melaka sentiasa mendengar denyut nadi rakyat sehingga ke

akar umbi dan komited ke arah matlamat untuk membahagia dan mensejahterakan rakyat. Secara peribadinya, rakyat Negeri Melaka sentiasa dekat di hati saya. Insya-Allah, ***I will serve my best for you.***

10. Akhir kata, semoga sumbangan ini memberi seribu makna buat saudara dan saudari semua selain dapat membantu sedikit sebanyak keperluan para penerima sumbangan. Tahniah dan syabas kepada pihak JAPERUN Lendu kerana berjaya mengurus dan menganjurkan majlis yang sederhana ini tetapi cukup bermakna kepada para penerima.

Sekian,

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِیْقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

